


Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya



4209595
RIN

*Diterjemah dan diadaptasi oleh
Indrajaya Abdullah*

***Ringkasan Sejarah
Tentera Anti-Jepun
Rakyat Malaya***



Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmuan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan & penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya

Diterjemah dan diadaptasi oleh
Indrajaya Abdullah



PUSTAKA PERDANA



1010586

Strategic Information and Research Development Centre
Petaling Jaya, Malaysia

Hakcipta © 2014 Strategic Information and Research Development Centre

Buku ini adalah terjemahan dengan adaptasi daripada buku “马来亚人民抗日军”，diterbit di Hong Kong pada 1992 oleh The Witness Publish Company of Hong Kong

Diterbitkan pada tahun 2014 oleh
 Strategic Information and Research Development Centre
 No. 2, Jalan Bukit 11/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
 Email: gerak@gerakbudaya.com
 Website: www.gerakbudaya.com

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia / Cataloguing-in-Publication Data

Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya / Diterjemah dan diadaptasi oleh Indrajaya Abdullah

1. Parti Komunis Malaya (PKM).
2. Communism–Malaysia.
3. Communist parties–Malaysia–History.
4. Malaysia–History–Japanese occupation, 1942-1945.

I. Indrajaya Abdullah.
 322.4209595

ISBN 978-967-0630-40-3

Diterjemah dan adaptasi oleh Indrajaya Abdullah
 Atur huruf dan pereka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
 2, Jalan Meranti Permai 1,
 Meranti Permai Industrial Park,
 Batu 15, Jalan Puchong,
 47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Kandungan

<i>Prakata dari Edisi Tionghoa</i>	viii
<i>Kata Pengantar dari Abdullah CD</i>	xiii
<i>Kata Pengantar dari Penterjemah: Indrajaya Abdullah</i>	xv
BAB 1: SITUASI DALAM DAN LUAR NEGERI MALAYA SEBELUM PERANG DUNIA	1
1. Terbentuknya Ikatan Paksi Fasis Jerman-Itali-Jepun dan Persiapan Jepun Menceroboh ke Selatan	
2. Gerakan Demokratik Anti-Jepun di Malaya Berkembang Pesat, Barisan Persatuan Anti Fasis Mulai Terbentuk	
3. Kerajaan Penjajah Inggeris Mencengkam Penindasannya ke atas Gerakan Demokratik Anti-Jepun dan Melaksanakan Dasar Pertahanan Pasif	
4. PKM Aktif Mempersiap dan Menyusun Perjuangan Bersenjata Anti-Jepun	
BAB 2: TENTERA JEPUN MENDUDUKI MALAYA DAN MELAKSANAKAN PENGUASAAN FASIS YANG BERDARAH	18
1. Pemeriksaan dan Pembunuhan Besar-besaran	
2. Perompakan Ekonomi yang Menggila	
3. Penguasaan Tentera dan Penindasan Berdarah	
4. Dasar Membodohkan Rakyat dan Pendidikan Perhambaan	
5. Rakyat Hidup di Jurang Kesengsaraan	

BAB 3: TENTERA ANTI-JEPUN RAKYAT MALAYA MEMBANGUN DAN MEMBESAR	32
1. Penubuhan dan Perkembangan Tentera Anti-Jepun Rakyat Melaya (TAJRM)	
2. Tiga Peringkat Perjuangan Bersenjata	
3. Taktik dan Cara Bertembur Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya	
4. Membasmi Ejen Musuh dan Menyusun Semula Pasukan Bersenjata Massa Spontan	
5. Sumber Senjata Tentera Anti-Jepun Rakyat	
6. Pendidikan Politik Tentera Anti-Jepun	
7. Jasa Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya dan Martabat Sejarahanya	
BAB 4: SUMBANGAN BESAR MASSA RAKYAT TERHADAP PERANG ANTI-JEPUN	94
1. Massa Aktif Menyertai Perang Anti-Jepun	
2. Sekuat Tenaga Menyokong Tentera Anti-Jepun	
3. Kerja Penerangan Anti-Jepun yang Bersifat Massa Berkembang Rancak	
4. Semua Lapisan Bersatu Melawan Jepun	
BAB 5: KERJASAMA TAJRM DENGAN TENTERA BERSEKUTU DI ASIA TENGGARA	114
1. Permulaan Kerjasama	
2. PKM dan TAJRM Menandatangani Perjanjian Bersama- sama Melawan Jepun dengan Tentera Bersekutu	
3. Pasukan 136 dan Kegiatannya	
4. TAJRM Aktif Bersedia Berkoordinasi dengan Serangan Balas Tentera Bersekutu	

BAB 6: JEPUN MENYERAH KALAH DAN TAJRM DITAMATKAN PERKHIDMATANNYA	137
1. Situasi Perang Berubah Secara Dratis, Jepun Menyerah Kalah Tanpa Syarat	
2. PKM Kemukakan “8 Usulan Besar”, TAJRM Memasuki Pekan dan Bandar	
3. Malaya Sekali Lagi Menjadi Jajahan Empayar Inggeris	
4. Gerakan Damai dan Demokratik Ditindas Secara Kejam	
5. Demobilisasi TAJRM	
 BAB 7: IMBAS KEMBALI SEJARAH	 172

Prakata dari Edisi Bahasa Tionghoa

Buku *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya* ini, mencatatkan pengalaman tulen sejarah perang gerila rakyat tempatan melawan Jepun yang bermandian darah. Perang ini dipertahankan selama 3 tahun 8 bulan, semenjak 1941 sehingga Ogos 1945.

Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (TAJRM) atau disebut Tentera Rakyat Malaya atau Tentera Anti-Jepun, terkenal dalam bahasa Inggerisnya, Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) merupakan pasukan bersenjata rakyat yang dipimpin dan ditubuhkan Parti Komunis Malaya (PKM).

Tentera rakyat yang terdiri daripada semua kaum dan berbagai lapisan penduduk Malaya ini berindukkan orang Tionghoa Malaya. Ia disokong dan didokong rakyat semua kaum. TAJRM lahir di zaman perang, memberikan pengorbanan besar pada masa-masa yang sulit, lantas mendewasa selangkah demi selangkah. Menjelang detik Jepun menyerah kalah, ia telahpun berkembang menjadi 8 buah rejimen, termasuk 3 buah rejimen asal. Ini juga bererti, ia memiliki 67 buah kompeni dengan jumlah anggota seramai lebih 9,900 orang. Kalau ditambah dengan anggota-anggota pasukan simpanan, pasukan bela diri melawan Jepun dan lain-lain pertubuhan bersenjata rakyat di berbagai negeri di seluruh negara, jumlahnya mencapai lebih 45,000 orang.

Semasa 3 tahun 8 bulan pendudukan Jepun di Malaya, TAJRM telah melangsungkan kira-kira lebih 340 kali pertempuran besar dan kecil dengan tentera Jepun, membasmi atau mencederakan lebih 5,500 orang musuh.

TAJRM merupakan tiang seri gerakan rakyat Malaya yang melawan Jepun. Ianya merupakan salah satu bahagian daripada barisan persatuan anti-fasis sedunia. Ia telah menggoyahkan kekuasaan fasis Jepun, sehingga komplotan untuk menguasai sepenuhnya kawasan strategik di barat-daya Lautan Pasifik dan merampas sumber-sumber strategik seperti getah dan timah yang menjadi pengeluaran utama Mala

Asia Tenggara tidak dapat terlaksana seratus-peratus. Bahkan TAJRM telah memukul, mengikat dan memencarkan kekuatan tentera Jepun. Oleh yang demikian, membantu pertempuran-pertempuran Tentera Bersekutu Amerika-Inggeris, Tentera China dan Soviet Union serta memberikan sumbangan kepada kemenangan perang anti-fasis sedunia.

TAJRM telah merekodkan lembaran sejarah rakyat Malaya menubuhkan tenteranya sendiri di saat menghadapi dan melawan pencerobohan asing serta memperjuangkan pembebasan nasional. Justeru kisah-kisah kepahlawanan TAJRM dan pengalaman pedih rakyat Malaya di zaman pendudukan Jepunlah yang memercikkan keghairahan rakyat berbagai kaum di Malaya untuk menuntut kemerdekaan serta pembebasan negara setelah Perang Dunia Kedua. Ia telah meningkatkan kesedaran politik rakyat. Di bawah perjuangan bersama rakyat berbagai kaum dan semua parti politik di Malaya, rakyat akhirnya telah menamatkan kekuasaan penjajah Inggeris dan memenangi kemerdekaan negara Malaysia dan Singapura.

Boleh dipastikan, dalam perjalanan sejarah di kemudian hari, kisah-kisah kepahlawanan TAJRM ini akan terus memberi semangat kepada rakyat Malaysia dan Singapura dalam berjuang memelihara kemerdekaan negara, membela perdamaian dunia serta membangunkan negara yang maju dan makmur!

Akan tetapi, selama lima dasawarsa ini, saki-baki pengaruh ideologi penjajah dan berbagai pandangan serong sehingga kini masih lagi cuba memutar-belitkan sejarah Perang Anti-Jepun di Malaya. Ia menafikan jasa-jasa TAJRM dalam usaha menentang penjajahan Jepun dan memperjuangkan kemerdekaan nasional. Amat mengecewakan lagi, nasib yang melanda lebih 3,000 orang para pahlawan yang telah mengorbankan jiwa-raga mereka untuk kemenangan perang anti-Jepun. Mereka berserta ahli keluarga mereka bukan sahaja tidak diberikan sebarang sagu-hati dan kepujian, malah ditangkap dan dibuang-negeri dengan tuduhan yang bukan-bukan di bawah Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan kerajaan penjajah Inggeris sejak 20 Jun 1948. Layanan sedemikian sangat tidak adil!

Keadaan TAJRM dulu pernah dilaporkan di berbagai penerbitan. Tetapi kebanyakan di antaranya berat sebelah dan tidak betul faktanya. Sesetengahnya pula sengaja memutarbelitkan sejarah. Pihak terbabit,

mencipta rekaan cerita yang bukan-bukan tentang keadaan dan proses kerjasama TAJRM dan Tentera Bersekutu dalam melawan Jepun, memuja-muja kumpulan penghubung/maklumat yang ditubuhkan tentera Inggeris pada masa itu (Force 136). Kononnya Force 136 ialah penyusun, pelatih dan pembekal bahan makanan serta persenjataan TAJRM. Lantas disebut TAJRM dapat berkembang besar kerana Force 136. Sesetengah penulisan pula bahkan menyamakan pasukan perompak yang menyamar sebagai “Pasukan Perantau Tionghoa anti-Jepun” dengan TAJRM. Maksudnya, tidak lain dan tidak bukan, hanyalah untuk menafikan dan merendahkan peranan serta kedudukan TAJRM dalam Perang Anti-Jepun. Sesetengah surat khabar dan buku, telahpun meliputi laporan-laporan berkenaan Tentera Anti-Jepun Anti-Jepun dengan maksud yang baik. Namun, disebabkan para penulisnya bukan peserta langsung perang tersebut, ataupun kerana ketandusan bahan-bahan yang diperolehinya, timbul berbagai kekurangan dan kesilapan.

Demi memulihkan sejarah yang telah diputar-belit dan menjamin agar bahan-bahan sejarah yang amat berharga ini tidak lapuk ditelan zaman, maka Kesatuan Para Perantau Tionghoa Singapura/Malaysia pada awal tahun 1987 menganjur dan mengarahkan 16 orang kawan, iaitu Zheng Guan-biao, Luo Xu-mo, Lu Ming, Lin Wen-guang, Zhang Chang, Ye Zhi-hui, Yi Tian-xiong, Wang Xian-ping, Wu Ya-liang, Lao Lu, Zheng Yue-hua (Ah Zhen), Wen Xun, Ah Zu, Chen Liu, Ruo Ping dan Wang You-fa membentuk dewan pengarang buku *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*. Dewan pengarang ini telah merangka projek, mengeluarkan pemberitahuan, mengumpulkan bahan-bahan sejarah dan pendapat-pendapat, menjemput serta menyelenggarakan berbagai seminar dengan bekas-bekas anggota TAJRM. Dewan pengarang juga melantik para petugasnya untuk mengumpul dan menyemak bahan-bahan sejarah tersebut, kemudian menyusunnya menjadi karangankarangan awal sejarah setiap rejimen. Seterusnya, mereka memilih empat orang pengarang utama untuk menambah, memperbaiki dan menyempurnakan karangan-karangan awal tersebut. Buku ini disunting dan diterbitkan setelah melalui proses yang berulang-ulang seperti yang disebut di atas selama lebih empat tahun.

Patut ditegaskan bahawa perang gerila anti-Jepun di Malaya adalah suatu perang rakyat. Perang itu tidak mungkin mencapai kemenangan

tanpa keperwiraan serta pengorbanan gagah berani dan sokongan daripada semua lapisan rakyat berbagai kaum di Malaya.

TAJRM berasal dari rakyat dan berperang demi rakyat. Kerana sokongan sepenuh hati massa rakyat yang luas, TAJRM terus wujud dan berkembang. Hal ini meskipun ia bergerak dalam keadaan kesempitan kebendaan serta situasi yang luar biasa sulit. Demikian juga, di bawah kepungan berlapis-lapis tentera Jepun, kerana perlindungan dan bantuan massa rakyat yang luas, TAJRM dapat bergerak cergas, beralih dengan selamat, menyerang musuh dan memperolehi berbagai hasil perang. Hubungan antara tentera dan rakyat yang bagaikan isi dengan kuku itu telah dinukilkan dengan agak teliti di dalam buku ini.

Pengorbanan dan sumbangan yang diberikan rakyat semua kaum terhadap kemenangan perang anti-Jepun di Malaya memang amat besar. Jasa rakyat jangan dinafikan. Kami mempersembahkan buku ini kepada rakyat semua kaum di Malaysia dan Singapura. Ianya sejarah perang rakyat Malaya anti-Jepun, sejarah yang ditulis dengan darah segar rakyat semua kaum di Malaya! Segala jasa besar rakyat akan terus kekal abadi buat selama-lamanya!

Bersamaan dengan itu, mengambil peluang ini, kami juga ingin meluahkan rasa hormat dan takziah kami yang setinggi-tingginya kepada para pahlawan anti-Jepun dan saudara-saudara berbagai kaum yang berkorban dengan gagah berani demi usaha adil melawan pencerobohan tersebut.

Kami juga ingin menyeru kepada masyarakat, bahawa jasa baik serta budi mulia para komander dan perajurit TAJRM dalam melawan penceroboh Jepun dan memperjuangkan kemerdekaan tanah air tidak dapat sangkal. Kedudukan mereka dalam sejarah mesti diperakui dan dinilai secara adil!

Demikianlah asas-asas pokok penerbitan buku ini. Kesemua mereka yang membekalkan bahan-bahan sejarah dan menyertai kerjakerja penyusunan buku ini terdiri daripada bekas-bekas komander dan perajurit TAJRM yang pernah menyertai perang anti-Jepun di Malaya. Di antara mereka, ada yang pernah menjadi wakil parti dan panglima markas rejimen, wakil parti dan ketua kompeni, para pekerja politik dan lebih 100 orang pekerja penyusun massa. Bahan sejarah yang mereka sediakan semuanya pengalaman-pengalaman mereka sendiri. Sudah

tentu, kerana sudah terlalu lama, sesetengah ingatan mungkin sudah mulai luntur, banyak butiran lengkap tokoh dan kejadian mungkin tidak dapat diceritakan satu per satu, banyak angka mungkin tidak dapat dianggarkan dengan tepat. Sesetengah kesilapan-kesilapan memang tidak dapat dielakkan. Mohon maaf atas segala ralat.

Tokoh-tokoh dari dalam dan luar negara yang menyertai kerja penyusunan buku ini kebanyakannya sudah berusia 60 ke 70 tahun. Mereka dengan gigih menyumbangkan masa dan tenaga mereka yang amat berharga, bermurah hati mendermakan wang juga. Bahkan, mereka pergi sendiri ke berbagai tempat mengadakan temu ramah, menghimpunkan bahan sejarah. Mereka telah memberikan sumbangan yang amat berharga demi penyusunan dan penerbitan buku ini. Tabik hormat kepada para tokoh ini!

Nota:

Konsep geografi berkenaan Malaya (Singapura/Malaysia) yang dihuraikan dalam buku ini merujuk kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu jajahan Inggeris, Pulau Pinang dan Melaka sebelum Perang Dunia Kedua serta Singapura jajahan Inggeris, iaitu bahagian barat Persekutuan Malaysia dan Republik Singapura sekarang ini. Dulu, para perantau Tionghoa di Singapura/Malaysia memiliki identiti dwinegara. Setelah kedua-dua negara ini memperolehi kemerdekaan, kebanyakan perantau Tionghoa telah memperolehi hak kewarganegaraan dan menjadi rakyat tempatan. Identiti dwi-negara sudah tidak wujud. Maka itu, dalam buku ini, kami secara umum menyebutnya sebagai Tionghoa Malaya, ataupun Tionghoa Singapura dan Tionghoa Malaysia.

Pengarang

1 Januari tahun 1991

Kata Pengantar dari Abdullah CD

Pertama-tama saya perlu menyatakan tahniah atas diterbitkannya buku *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya* edisi Bahasa Melayu ini.

Buku *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya* ini adalah buku yang perlu dibaca oleh setiap orang yang benar-benar ingin mengetahui sejarah tanah air kita khususnya sejarah tentang perlawanan rakyat di negara kita dalam periode penjajahan Jepun di masa Perang Dunia Kedua. Medan perang Malaya, adalah salah satu bahagian daripada medan Perang Anti-fasis Sedunia dalam Perang Dunia Kedua. Dalam perang itu, rakyat Malaya di bawah pimpinan Parti Komunis Malaya, telah memberikan sumbangannya dengan gagah berani. Ia telah menunjukkan semangat rakyat kita yang dengan tegas tidak berganjak menentang kaum penjajah apapun, baik penjajah barat mahupun penjajah timur dan sebagainya.

Pengalaman Perang Anti-Jepun membuktikan bahawa kita harus menentang kaum penjajah setegas-tegasnya. Bahawa perjuangan melawan kaum penjajah adalah satu perjuangan yang luar biasa sengitnya, bahkan memerlukan rakyat mengorbankan jiwa dan raga. Tanpa mengalirkan darah dan korban, rakyat kita tidak mungkin memperolehi kemerdekaan yang sejati. Bahawa usaha yang ingin menggunakan satu penjajah untuk mengusir satu penjajah yang lain hanyalah suatu angan-angan yang utopia sahaja.

Buku yang ditulis berdasarkan pengalaman yang dikumpulkan daripada lebih kurang 100 orang peserta dalam perang yang besar ini, dengan fakta-fakta yang cukup meyakinkan dan tak terbantah, telah berusaha sedaya upaya memaparkan kembali kenyataan-kenyataan bersejarah perang tersebut. Mereka ini terdiri bukan sahaja daripada para kader dan komander berbagai peringkat Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya, tetapi juga daripada perajurit-perajurit biasa. Saya dengan khikmat menyatakan hormat saya yang setinggi-tingginya kepada bekas